

05 FEB 1998

Sabbaruddin-pertandingan

DENGAR NASIHAT PRESIDEN UMNO, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Anggota-anggota Umno perlu menghormati nasihat Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak mengadakan pertandingan merebut jawatan ketua bahagian, kata Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik.

Katanya, walaupun tidak ada hukuman yang dikenakan kepada golongan yang ingkar nasihat itu, mereka mungkin boleh diambil tindakan dengan "cara lain".

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan bentuk tindakan yang boleh dikenakan.

"Nasihat Presiden perlu diikuti, fikirlah...jika kita tak ikut nasihat Presiden, nasihat siapa lagi (hendak diikuti)," kata Sabbaruddin kepada pemberita di sini pada majlis rumah terbuka anjurannya sempena Hari Raya, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sesetengah bahagian yang bercadang mengadakan pertandingan bagi jawatan Ketua Bahagian, walaupun setelah dinasihatkan oleh Presiden parti supaya tidak berbuat demikian.

Minggu lepas, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi (MT) parti akan memastikan supaya pemilihan jawatan-jawatan parti di peringkat bahagian dibuat secara rundingan bagi mengelakkan pertandingan yang boleh memecah-belahkan parti.

Pemilihan peringkat bahagian akan berlangsung dari 12 Mac hingga 29 Mac ini.

Sebelum ini, beberapa bahagian di Kelantan dilaporkan akan mengadakan pertandingan seperti bahagian Peringat, Kubang Kerian, Bachok, Kuala Krai, Rantau Panjang dan Kota Bharu.

Di Peringat, Ketua Bahagiannya Datuk Annuar Musa dijangka dicabar oleh Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Mengenai mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pengurusan hari ini yang dipengerusikan Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sabbaruddin berkata ia membincangkan mengenai tindakan disiplin terhadap seorang Ketua Bahagian yang didapati melanggar peraturan parti.

Sabbaruddin berkata bahagian itu yang mengalami perselisihan faham dengan Pergerakan Pemuda Bahagiannya, telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bertindak Pemuda, yang menyalahi perlembagaan parti.

Katanya, jawatankuasa itu juga memutuskan supaya semua aktiviti Pergerakan Pemuda dan Wanita sesuatu bahagian serta cawangan tidak memerlukan kelulusan peringkat Bahagian, sebaliknya hanya cukup dengan pemberitahuan.

Jawatankuasa itu juga menimbangkan beberapa laporan berhubung kes-kes politik wang. Bagaimanapun, kebanyakannya didapati tidak mempunyai bukti yang cukup ataupun tidak menyalahi peraturan, katanya. -- BERNAMA

RAZ NY AKD